

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

SOALAN

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah individu dewasa dan kanak-kanak yang tiada kewarganegaraan di negara kita setakat ini mengikut kategori negeri dan jantina. Berapakah permohonan kewarganegaraan yang diterima oleh Kerajaan daripada golongan ini dan jumlah individu yang berjaya mendapat kewarganegaraan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) tidak mempunyai rekod mengenai individu tanpa kewarganegaraan (*stateless*) di Malaysia kerana semasa pendaftaran kelahiran, seseorang individu akan direkodkan dengan taraf sama ada Warganegara atau Bukan Warganegara. Sehubungan dengan itu, JPN juga tidak mempunyai rekod permohonan kewarganegaraan yang dikemukakan oleh golongan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perekodan taraf kewarganegaraan adalah berdasarkan kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa kandung sewaktu kelahiran. Kaedah perekodan tersebut adalah selaras dengan peruntukan di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules 1964* [LN82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuat kuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, kesahatarafan anak, peraturan imigresen dan lain-lain.

Ibu bapa dan penjaga kepada individu yang bertaraf Bukan Warganegara bertanggungjawab sepenuhnya untuk menguruskan kewarganegaraan, dokumen pengenalan diri dan dokumen perjalanan dengan negara asal bagi mengelakkan ketiadaan dokumen pengenalan diri, keberadaan tidak sah di Malaysia dan seterusnya disalah anggap sebagai tidak memiliki kewarganegaraan dari mana-mana negara (*stateless*).